

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN HASSAN

KAWASAN : KOTA BHARU

TARIKH : 18.6.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 24

Y.B. DATO' TAKIYUDDIN HASSAN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah sambutan rakyat Malaysia terhadap kereta Hybrid Unit Terurai Untuk Dipasang (CKD) yang dipasang di negara ini.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, Honda Malaysia merupakan satu-satunya syarikat pengeluar kenderaan yang telah menjalankan aktiviti pemasangan CKD kereta hibrid di Malaysia iaitu bagi model Jazz Hybrid yang telah bermula pada November 2012.

Berikutan itu, Honda telah berjaya meningkatkan jualan model ini daripada 2,508 unit pada tahun 2012 yang mana kesemuanya merupakan CBU kepada 3,591 unit pada tahun 2013, meliputi 2,743 unit CKD. Bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini, jualan Jazz Hybrid telah mencecah 2,282 unit, di mana 2,235 unit adalah CKD.

SOALAN (25)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD ABDULLAH [MUKAH]

SOALAN :-

Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa unit Perumahan Rakyat telah diperuntukan di Parlimen Mukah pada Tahun 2012 dan 2013. Berapa peratus telah selesai di dirikan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada projek PPR dilaksanakan bagi Parlimen Mukah. Ini adalah kerana tumpuan pelaksanaan projek PPR adalah di bandar-bandar besar seperti Kuching, Bintulu dan Seduan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan PPR akan dipertimbangkan jika terdapat keperluan untuk melaksanakan PPR di Mukah dan pihak Kerajaan Negeri boleh mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-

- i) Tanah milik Kerajaan atau sekiranya tiada Kerajaan Negeri boleh mencadangkan tapak bersesuaian di tanah milik.
- ii) Tapak yang dicadangkan mempunyai kemudahan awam dan asas sedia ada seperti jalan raya, kemudahan utiliti, sekolah dan sebagainya yang bersesuaian.

- iii) Tapak yang akan dibangunkan tidak bermasalah dan tidak melibatkan kos penyediaan tapak yang tinggi seperti tapak berpaya, berbukit dan sebagainya.
- iv) Tapak yang disediakan berada di lokasi bandar atau pinggir bandar dan mempunyai permintaan tinggi.
- v) Terdapat keperluan di kawasan yang dicadangkan seperti setinggan dan permohonan di bawah Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6899

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan asas penyiasatan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia terhadap Parti DAP dalam pemilihan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat dalam Kongres Khas yang telah di adakan pada 19.9.2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) menjalankan siasatan ke atas Parti Tindakan Demokratik (DAP) dari pelbagai aspek iaitu semasa Mesyuarat Pemilihan diadakan semasa pemilihan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat dalam Kongres Khas yang telah diadakan pada 29 September 2013 dan juga dari segi perwakilan-perwakilan yang hadir dan layak mengundi serta notis panggilan Mesyuarat Pemilihan Kongres Khas kepada perwakilan-perwakilan.

Selain itu, JPPM telah menjalankan siasatan ke atas DAP berikutan aduan-aduan yang diterima mengenai kesilapan dalam pengiraan undi yang berlaku semasa pemilihan *Central Executive Committee* (CEC)nya pada bulan Disember 2012. Berikutan dengan itu, JPPM telah meminta pihak DAP menjalankan pemilihan semula berdasarkan kepada aduan-aduan yang diterima dan keraguan di dalam maklum balas daripada pihak DAP atas aduan-aduan tersebut yang diberikan oleh pihak DAP. Selepas pemilihan semula itu dijalankan oleh DAP pada 29 September 2013, JPPM masih menerima aduan-aduan mengenai ketidaklayakan wakil-wakil yang menghadiri CEC tersebut.

JPPM juga masih meneliti beberapa dokumen-dokumen yang diterima DAP seperti senarai 985 cawangan yang diberi status Sijil 'A', salinan borang perwakilan dari cawangan-cawangan yang hadir pemilihan asal CEC pada 15 Disember 2012 dan pemilihan semula pada 29 September 2013 serta salinan asal 500 surat yang ditandatangani oleh perwakilan yang mengesahkan mereka tidak hadir pada pemilihan CEC dan sebagainya.

Pada 03 April 2013, JPPM menerima surat daripada pihak DAP bahawa akan memohon semakan kehakiman terhadap Jabatan yang masih belum mengiktiraf CECnya. JPPM akan mengambil tindakan selanjutnya selepas keputusan daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur diperolehi kelak.